

Isu Pasar Raja Bot

# Pembangunan Kampung Sungai Baru diteruskan

Majoriti penduduk mahu projek diseferakan selepas lebih 6 tahun menunggu

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan Kampung Sungai Baru dekat Kampung Baru di sini, bagi memenuhi hak dan juga keperluan majoriti penduduk di situ.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata penduduk yang bersetuju meneruskan projek itu melebihi 68 peratus, manakala yang tidak bersetuju lebih kurang 30 peratus sahaja.

"Kita perlu perbetulkan fakta salah yang dibawa sesetengah pihak. Saya melihat temu bual daripada penduduk yang bersetuju. Itu adalah perkara sebenar yang berlaku di lapangan.

"Kita sebagai kerajaan perlu memudahkan pembangunan. Bagi saya jika pembangunan di Kampung Sungai Baru dapat dilaksanakan, ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan di Kampung Baru secara

khususnya dan Kuala Lumpur amnya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Mempertingkatkan Persimpangan Lebuhraya Sultan Iskandar.

Dr Zaliha berkata, selaku menteri, beliau mahu isu legasi itu diselesaikan dengan segera memandangkan ia sudah lama diperkatakan.

"Perkara atau naratif sebenarnya telah sekian lama (dimainkan). Kita juga tahu ada keputusan mahkamah, ada dua kumpulan penduduk, ada yang bersetuju dan tidak bersetuju," katanya.

Terdahulu, media melaporkan selepas lebih enam tahun menunggu, majoriti penduduk dan pewaris di Kampung Sungai Baru, mengharapkan projek pembangunan di kawasan itu dilakukan segera.

Mereka turut mendesak sebarang kontroversi dan dakwaan yang tidak berasas membabitkan pembangunan kawasan itu perlu dihentikan.

Pemangku Pengurus Persatuan Kebajikan Pemilik Harta Kampung Sungai Baru, Saniata Yunus, berkata sudah enam tahun mereka berpindah ke rumah transit di Residensi Kerinchi yang disediakan pihak pemaju seperti dijanjikan.

Katanya, mereka hanya mahu melihat pembangunan projek itu disiapkan secepat mungkin dan menjadikan kawasan itu

setanding dengan pembangunan lain di sekelilingnya.

## DBKL bantu tarik pelanggan

Dalam pada itu, Zaliha memaklumkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah diarah membantu menarik pelanggan ke Kompleks Pasar Raja Bot susulan daripada dakwaan kekurangan pelanggan ke kompleks itu.

"Saya ada menerima aduan dan sudah mengarahkan DBKL membantu kerana kawasan itu adalah kawasan baharu dan pelanggan sudah terbiasa di kawasan lama.



Projek pembangunan perlu diteruskan untuk penuhi keperluan majoriti penduduk Kampung Sungai Baru.  
(Foto Aswadi Alias/BH)

"Kita akan bantu dari sudut promosinya dan saya akan ke kawasan tersebut untuk melihat keadaannya dan membantu sebaik mungkin supaya orang ramai lebih mengenali kawasan tersebut dan akhirnya kawasan tersebut (akan) menjadi maju dan dikunjungi orang ramai," katanya.

Katanya, walaupun sudah melawat kompleks itu beberapa bulan lalu, selepas mendapat aduan mengenai kekurangan pelanggan, beliau akan meneiti semula perkembangan hal ini dan mendengarnya sendiri masalah membabitkan masalah dihadapi peniaga.



Zaliha merasmikan Program Mempertingkatkan Persimpangan Lebuhraya Sultan Iskandar di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Amirudin Sahib/BH)